



29 Disember 2017
29 December 2017
P.U. (A) 446

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2017

GOODS AND SERVICES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pindaan) 2017**.

(2) Kecuali peraturan 4, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

(3) Peraturan 4 mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018.

Pindaan peraturan 39

2. Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*P.U. (A) 190/2014*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam perenggan 39(3)(c) dengan memotong perkataan “dan 42”.

Pindaan peraturan 41

3. Perenggan 41(j) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “syarikat pemegang pelaburan” dengan perkataan “syarikat yang aktiviti utamanya ialah pemegangan pelaburan termasuk hartanah, saham syarikat lain atau pinjaman”.

Pindaan peraturan 49

4. Peraturan 49 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**pihak berkuasa tempatan atau**”; dan

- (b) dengan memotong perkataan “pihak berkuasa tempatan atau” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 68

5. Peraturan 68 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Setiap permohonan pembayaran balik cukai di bawah subseksyen 10(4), 17(6), 18(4) atau 57(1) Akta atau subperaturan 38(4), 46(5) atau 71(2) hendaklah dibuat—

- (a) oleh orang berdaftar, dengan meminda penyata yang berhubungan dengan pembayaran balik itu;
- (b) oleh orang yang tidak berdaftar yang telah membuat perisytiharan, dengan meminda perisytiharan yang berhubungan dengan pembayaran balik itu; atau
- (c) oleh mana-mana orang selain orang yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), dengan menggunakan borang JKDM 2 sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 51/2015*].”.

Pindaan Jadual Keempat

6. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda berhubung dengan Teluk Intan, dalam ruang Daerah yang Dikhidmati, dengan memasukkan sebelum perkataan “Batang Padang” perkataan “Bagan Datuk”.

Pindaan Jadual Kelima

7. Jadual Kelima kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda berhubung dengan Borang GST-03, dengan menggantikan butiran 15 dengan butiran yang berikut:

“Jumlah Nilai Lain-lain Pembekalan”.